

INSAFLAH...! JIKA MAHU INSAF

TAUHID - ASAS AGAMA YANG DITURUNKAN TUHAN

“*La ta'budu ilaLlah*” – maksudnya jangan kamu sembah selain daripada Allah.

(Oleh Ahmad Zulfi)

Tauhid, mengEsakan Allah Subhanahu wa Taala, ialah asas-asas agama yang diturunkan oleh Allah semenjak daripada Rasul-Nya yang pertama, Adam alaihi salam sehingga kepada Muhammad (SAW). Bagi orang-orang Islam, ia tidak dibilangkan Islam jika ia tidak mentauhidkan Allah.

Tauhid itu ialah perkakas yang pertama, sebilah pedang yang tajam, senjata yang berguna dalam masa perang atau aman, dalam masa damai atau permusuhan – tauhid itu ialah ajaran yang pertama dibawa oleh nabi-nabi kepada umat-umatnya.

Dengan kalimah tauhid itu seseorang makhluk meletakkan tempatnya takluk. Tidak ada tempatnya takluk melainkan kepada Zat yang Satu, Zat yang menjadikan sekaliannya – dengan tauhid itulah umat yang kecil dan lemah, umat yang sentiasa menerima tindasan daripada kekuasaan-kekuasaan yang menindasnya melepaskan dirinya dan mendapat kemerdekaan daripadanya.

Dengan kalimah tauhid itulah Abu Bakar as-Siddiq, khalifah yang pertama, dapat menghapuskan bangkitan di seluruh benua Arab di dalam masa dua tahun. Dengan kalimah tauhid inilah Umar mendapat terima kasih penduduk Baitul Maqdis kerana negeri mereka masuk ke dalam jajahannya, iaitu suatu riwayat yang belum pernah terjadi seumpamanya.

Di dalam tauhid inilah Bilal sekalipun sangat-sangat menderita azab seksa masih boleh hidup! Demikian juga dengan tauhid itulah Rasullullah (SAW) tatkala Suraqa hendak menetaknya dengan berkata “siapa yang akan menolong engkau ya Muhammad? Jawab Rasullullah dengan perasaan tauhid – “Allah” mendengarkan perkataan itu maka pedang Suraqa pun terjatuh.

Dengan perasaan tauhid inilah yang telah mendorong Thariq

bin Ziyad menyeberang ke Andalus (Spain). Dengan tauhid itulah Khalid Ibn al-Walid menuntut kematiannya di medan peperangan sehingga orang takjub akan keberaniannya. Seterusnya begitulah Sultan Muhammad telah masuk ke Constantine bertapak di sana sehingga hari ini.

Dengan perasaan tauhid itu umat dididik berperasaan huriyyah (merdeka), musawah (sama rata) dan istiqlal (bebas). Tidak sempurna ibadah seseorang Islam itu jika perasaan berserah bulat-bulat kepada Allah belum menyerap kepada jiwanya sama ada dalam masa perang atau damai.

“Kaum Muslimin yang telah bertauhid adalah cinta kepada mati sebagaimana orang kafir cinta kepada minuman keras” – Demikianlah surat Khalid Ibn al-Walid kepada raja Parsi. Di dalam pengajaran kalimah tauhid itu tidak dijumpai perkataan sebaik-baik untung manusia ialah teraniaya. Di dalam tauhid itu tidak boleh terbit di dalam perasaan zahir dan batin takluk kepada sesuatu kekuasaan selain daripada Allah dan dengan sebab itu umat yang telah bertauhid (mengEsakan Allah itu) tidak takut kepada mati di dalam membela hak Allah, tidak takut terpenjara, tidak takut kepada sesuatu pun kerana semuanya itu disukainya daripada membuat sesuatu yang diredhainya. Kepada mereka mati di tiang gantung, mati di kerusi elektrik, mati kena peluru – tidak merisaukan mereka asalkan sahaja kerana Allah sebab semua kematian itu, baik mati di tempat tidur ataupun kepalanya sedang di barut orang kerana kecederaannya, semuanya adalah sama jua rasanya, baliknya ialah kepada Allah dan di hadapan Allah.

Dengan kekuatan tauhid itulah datuk nenek kita telah melepaskan dirinya daripada diperhamba semenjak daripada

zaman Firaun hingga masa kemajuan dan ketinggian Islam.

Pokok yang pertama bagi pegangan agama itu sekarang ini telah luntur. Orang kita tidak lagi kuat memegang tauhidnya. Orang kita telah dilemahkan oleh semangat kebendaan; orang kita telah terletak di dalam pengaruh harta sebagaimana sabda Rasullullah (SAW) yang maksudnya “Apabila sampai akhir zaman maka kekuatan agama dan dunia manusia ialah wang perak dan wang emas.” Orang kita tidak berani lagi mendirikan barang yang Haq! Orang kita tahan mengunci mulutnya mengeluarkan perkataan yang Haq kerana takut dapurnya tidak berasap! Orang kita telah berani berdegil mendirikan hujah barang yang batil dan menjatuhkan barang yang Haq apabila dihadapkan sahaja dihadapannya emas dan perak dan ia berani derhaka kepada Allah kerana menuntut kebendaan dan hadiah-hadiah yang dijanjikan kepadanya terutamanya pula keadaan itu apabila ia menjadi seorang penganjur.

Tauhid kepada Allah sangat mencela yang demikian itu dan orang yang bertauhid itu sudah terang percaya kepada amaran dan ingatan Allah yang disabdakan oleh Rasullullah (SAW): “Apabila Allah hendak mencelakakan sesuatu kaum maka ia serahkan urusan mereka kepada ketua-ketua yang membuat semahu-mahunya sahaja.”

Demikianlah di sisi tauhid itu ditumbuhkan Allah buahnya ke dalam roh “semangat” iaitu perasaan iman (kepercayaan yang benar). Di samping itu umat dikehendaki membuat al-amal al-solehat (pekerjaan yang baik dan berguna). Oleh sebab luntur tauhid itu maka kedua-dua yang tersebut (beriman dan beramal soleh) itu pun dengan sendirinya luntur juga. Iman yang sejati telah terbang daripada dada kaum Muslimin. Iman kaum Muslimin kepada orang yang berpengaruh besar lebih kuat daripada imannya kepada Allah, kepercayaannya kepada cerita-cerita khayal dan perkara-perkara kebendaan lebih besar daripada kepercayaannya kepada kitab Allah – kepercayaannya kepada pemimpin kebangsaan melebihi kepercayaannya kepada nabi, berdiri mengangkat tangan bagi lagu kebangsaan lebih diutamakan daripada mendengar isi kitab Allah khusyuk dan tawaduk dan lebih bergembira daripada mendengar seruan Allahuakbar.

Amal soleh hampir-hampir tidak ada lagi dan telah salah

difahamkan. Mereka telah karam di dalam khalwat dan menyisihkan dirinya daripada pergaulan, bertapa di dalam mihrab, tidak mahu mencabut kaumnya daripada kehinaan – itulah yang disebut oleh mereka amal soleh.

Amal soleh sempurna yang dibuat oleh Ibnu Sina Ibnu Rushd dan orang-orang yang seumpamanya, dengan meninggalkan jasa yang menjadi kenangan-kenangan orang kemudiannya hampir-hampir tidak ada lagi bahkan mereka digalak-galakkan dengan perkataan-perkataan hadis palsu “Dunia ini bangkai dan mereka yang berkehendakkannya itu anjing”

Mereka sekarang menghabiskan masanya di dalam perkara-perkara perbalahan; mereka sekarang redha dijadikan perkakas oleh orang yang membelakangkan tauhid; orang kita sekarang redha bersusah-payah mencari ayat-ayat Allah untuk menipu umat buat masuk ke dalam kancahnya – orang kita sekarang redha mengorbankan pengetahuannya dan ilmunya menegah umat mencari dunia kerana “dunia itu Jannatul Kafirin” sehingga orang kita memahamkan amal soleh itu ialah duduk beribadah di rumahnya dengan tidak mengenal dunia lagi sehingga agama telah dijajah dan diperhamba semata-mata dengan ketua-ketuanya (ketua-ketua agama) takut hendak berkata mendirikan Haq; bahkan tidak hanya sampai di situ sahaja tetapi juga ia telah redha dari semasa ke semasa dijadikan perkakas untuk menindas agamanya. Insaflah wahai kaum Muslimin bahawa amal soleh itu ialah, bekerjalah kamu bagi dunia kamu seolah-olah kamu hidup hidup selama-lamanya, dan bekerjalah kamu bagi akhirat kamu sebagai kamu mati esok” kerjakan segala usaha dunia untuk ketinggian hidup dunia supaya menjadi bekal di akhirat kelak ingatlah bahawasanya hidup itu daripada Allah, mati itu daripada Allah dan kepadanya jua kita kembali. Kerana Allah itulah hidup kita berkorban, kerana kemuliaan agama Allah itulah kita mesti berdiri dan carilah kematian itu kerana-Nya, serta habiskanlah umur kamu di dalam dunia ini mengikut suruhan Allah membela agama Allah, kerana Allah, untuk Allah dengan ikhlas – hidup dan mati kamu di dalam tangan Allah dan berbahagialah kita di dalam hayat kita menolong agama Allah kerana Allah akan menolong orang yang menolong (agama) Allah adanya.